

## Penglibatan Murid Sekolah Rendah dalam PdPr Bahasa Arab (Student Engagement at Primary School During Arabic PDPR)

<sup>1</sup>Aishah Raudhah Salim & Harun Baharudin

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penglibatan dalam bahasa Arab murid sekolah rendah semasa PdPr di rumah. Terdapat dua pemboleh ubah yang digunakan untuk dianalisis iaitu tahap penglibatan murid dan pengalaman mengajar guru. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 48 orang guru bahasa Arab dari tujuh buah sekolah rendah daerah Johor Bahru yang mengajar tahap 1 iaitu darjah satu, dua dan tiga. Bagi mencapai tujuan kajian ini, kajian tinjauan keratan rentas ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah digunakan sesuai dengan kerangka persampelan. Perisian IBM SPSS versi 22.0 telah digunakan untuk menganalisis data kajian ini secara deskriptif, seperti min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan. Dapatan menunjukkan penglibatan murid semasa tempoh PdPr adalah di tahap sederhana. Manakala analisis ujian ANOVA yang dilakukan membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan murid berdasarkan pengalaman mengajar guru. Justeru, pihak yang terlibat seperti tenaga pengajar, pihak sekolah dan ibubapa perlu mengambil inisiatif untuk turut serta memperbaiki keadaan ini secara bersama. Melalui kajian tahap penglibatan murid dan pendekatan pengajaran ini diharapkan dapat membantu pihak berwajib seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), penyedia dasar, penulis buku teks, dan guru-guru agar mampu melaksanakan pendekatan yang bersesuaian dengan situasi semasa.*

*Kata Kunci: Penglibatan murid, pengalaman mengajar, PdPr bahasa Arab*

### ABSTRACT

*The goal of this study is to determine how involved primary school pupils are in Arabic during PdP at home. As a result, the level of student involvement and the teacher's teaching experience were utilized to assess two factors. Two extensive studies guide this research: 1) What is the amount of student involvement during the PdPR period? 2) Is there a variation in the level of student involvement based on the perceptions of teachers with different levels of teaching experience? This study was carried out quantitatively by administering a questionnaire to 48 respondents from seven primary schools in Johor Bahru, all of them are Arabic language teachers who teach grade one, two, and three. A cross-sectional survey study employing the purposive sample approach was utilised in accordance with the sampling framework to achieve the study's goal. This study's descriptive data, such as mean, standard deviation, and percentage, were analyzed using IBM SPSS version 22.0. Students' involvement during the PdPR period is moderate, according to the findings. The ANOVA test revealed that there is no significant difference in the amount of student involvement based on teachers' perceptions based on teaching experience. As a result, all parties involved, including instructors, schools, and parents, must work together to remedy the problem. As a result of the research into student engagement and teaching methods, it is intended that authorities such as the Ministry of Education Malaysia (MOE), policymakers, textbook writers, and teachers will be able to execute a strategy that is appropriate for the current circumstances.*

*Keywords: Student engagement, teaching experience, Arabic language PdPr*

## PENGENALAN

Perkembangan abad ke 21 menuntut perubahan besar dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, komunikasi, kesihatan, dan lain-lain. Sektor pendidikan juga tidak terkecuali, turut menerima impak yang signifikan daripada perubahan ini. Bilamana kes jangkitan COVID-19 berlaku peningkatan,

pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada seluruh negara mulai 18 Mac oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Dengan berkuatkuasanya PKP, semua institusi pendidikan terpaksa ditutup bagi memutuskan rantaian penularan COVID-19. Proses PdP tidak dapat lagi dijalankan seperti kebiasaannya dalam tempoh PKP ini. Bagi memastikan pelajaran murid-murid tidak tergendala, KPM telah

mengeluarkan beberapa garis panduan bagi pelaksanaan PdP semasa PKP pada 27 Mac 2020 (Surat Siaran KPM Bil. 3, 2020). KPM telah menyarankan dalam garis panduan tersebut supaya guru-guru dapat memanfaatkan segala bentuk aplikasi teknologi seperti *Microsoft Teams*, *Google Classroom*, *EduwebTV*, *Edpuzzle*, *Kahoot*, *Quizizz* dan *CikgooTube* untuk meneruskan PdP di rumah masing-masing.

Perubahan dalam era pandemik ini memberi kesan kepada dunia pendidikan bahasa, terutamanya bahasa Arab. Pengajaran yang pada kebiasaannya akan disampaikan di sekolah dalam keadaan secara berdepan atau terus kini perlu dilakukan secara atas talian atau dalam erti kata lain pembelajaran jarak jauh. Selaras dengan kajian yang dibuat oleh Hamid (2016), mendapati pada masa kini, terdapat dua jenis media massa iaitu media cetak seperti surat khabar, majalah, buku dan sebagainya dan elektronik seperti televisyen radio dan internet. Menurut Husain, et.al (2020) penggunaan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran di bilik darjah, sudah menjadi satu keperluan dan satu tuntutan dalam era global ini. Bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam pembelajaran dan pengajaran, ia memerlukan pelbagai model pembelajaran yang kreatif dan inovatif. Perkara ini perlu dilakukan agar proses pembelajaran tidak dilihat sebagai sesuatu yang kurang menarik, monoton dan membosankan sehingga akan menghalang berlakunya pertukaran pengetahuan di kalangan murid dan guru. Oleh itu, peranan media dalam proses belajar menjadi penting kerana akan menjadikan proses pembelajaran lebih pelbagai dan tidak membosankan.

Namun pelaksanaan PdP dalam talian bukan sesuatu yang mudah dan pastinya akan berlaku pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh guru mahupun murid. Kajian yang lepas banyak tertumpu pada pengajaran dan penglibatan murid pada bahasa selain bahasa Arab khususnya di sekolah rendah. Kebimbangan guru terhadap tahap penglibatan murid menjadi persoalan apakah tahap penglibatan murid tambahan sesi PdP dilaksanakan di atas talian. Hal ini kerana cabaran pengajaran bagi bahasa kedua yang mana miskin persekitaran. Menurut Asbulah et. al (2020), terdapat sarjana terdahulu yang telah membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan pembelajaran bahasa kedua, di mana mereka mencadangkan agar dapat menghasilkan persekitaran yang positif untuk pembelajaran bahasa Arab, maka ruang dan peluang harus disediakan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar. Masalah ini adakah timbul di kalangan murid dewasa sahaja atau turut berlaku pada murid peringkat rendah?

Justeru itu bagi meneroka masalah ini satu kajian dilaksanakan bagi melihat sejauh mana tahap penglibatan murid terutamanya di sekolah rendah terhadap pengajaran bahasa Arab di atas talian dengan merujuk kepada objektif seperti berikut:

1. Menentukan tahap penglibatan murid semasa PdPR
2. Mengenal pasti perbezaan tahap penglibatan murid berdasarkan persepsi guru mengikut pengalaman mengajar

## KAJIAN LITERATUR

### PENGLIBATAN MURID DALAM PDPR

Kejayaan PdPr bergantung kepada peratusan penglibatan murid serta penguasaan murid terhadap isi kandungan pelajaran yang disampaikan (Ismail et. al, 2021). Guru perlu merekodkan penglibatan murid dalam PdPR menggunakan kaedah yang bersesuaian (KPM, 2020). Hal ini kerana penglibatan merupakan sesuatu yang sangat penting untuk pembelajaran dan kepuasan murid semasa kelas online dijalankan. Menurut Chapman (2003) penglibatan murid didefinisikan sebagai kesediaan murid untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rutin di sekolah, sama ada berbentuk tingkah laku, kognitif dan petunjuk berkesan penglibatan murid dalam menyelesaikan tugas pembelajaran tertentu. Strategi penglibatan adalah bertujuan untuk memberikan pengalaman belajar yang positif termasuklah peluang belajar yang aktif, seperti turut serta dalam kerja kumpulan kolaboratif, murid mudah dalam membuat persembahan dan perbincangan, berkongsi sumber secara aktif, membuat kerja kursus dan mengintegrasikan kajian kes dan refleksi (Martin, 2018).

Dalam satu kajian pada bidang bahasa Melayu yang dibuat oleh Feng et.al (2021), mendapati dari aspek motivasi murid, menunjukkan kehadiran, penglibatan dalam PdP dan penghantaran tugas adalah memuaskan. Namun, bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam Bahasa Arab perlu kepada memperkenalkan lebih banyak aktiviti langsung seperti kuiz dalam talian, permainan, perbincangan, dan banyak lagi (Asbulah et.al, 2020). Jika dilihat di China misalnya, hasil penglibatan murid dalam pembelajaran atas talian ini memberi kesan yang positif kepada interaktif konstruktif dan interaktif murid itu sendiri. Hal ini kerana pengajaran yang melibatkan kehadiran yang baik memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran dalam talian seterusnya ia membina hubungan murid dengan guru yang tidak berjumpa secara fizikal atau semuka. Pelaksanaan PdPR perlu diubah daripada sistem persekolahan kepada sistem pembelajaran iaitu tiada lagi konsep kehadiran kelas secara seragam sebaliknya menekankan aspek *engagement* atau penglibatan mengikut keperluan dan kemampuan pelajar (Bernama, 2021).

Terdapat satu kajian bagi melihat adakah terdapat pengaruh kehadiran murid dengan pembelajaran atas talian

telah dilakukan kepada 218 orang guru bahasa Inggeris sekolah menengah di Shanghai mendapati kehadiran pengajaran yang baik memberi kesan positif kepada interaktif konstruktif dan interaktif perilaku tingkah laku tetapi tidak pada tingkah laku penglibatan pasif atau aktif mereka (Zhang et.al. 2016). Kajian berkaitan penglibatan murid turut dilakukan di California yang diperolehi dari temuramah kepada beberapa orang pelajar mendapati faktor yang membawa kepada penglibatan adalah suasana yang memupuk budaya rakan sebaya interpersonal yang mendalam dan hubungan pelajar dan guru serta budaya bekerjasama di tahap komuniti pelajar, pentadbiran, guru, dan pelajar yang akhirnya ia mewujudkan penglibatan yang baik dikalangan murid (Wilson, 2017). Dapatan ini selari dengan Almoslamani (2018) yang membuat kajian berkaitan hubungan antara penglibatan pelajar dan pelajar yang dapat dihasilkan dalam persekitaran pembelajaran campuran di Universiti Elektronik Saudi mendapati pelajar lebih suka satu hingga tiga jam dalam perbincangan dalam talian. Perasaan suka itu hasil dari emosi ini bertepatan dengan dapatan oleh kajian Hiver et.al. (2020) kepada 41 orang pelajar kolej bahasa asing iaitu emosi, aspek motivasi, dan kognitif naratif episodik pelajar dikaitkan dengan penyesuaian ciri terhadap persekitaran pembelajaran. Hal ini disebabkan faktor sekeliling yang membantu emosi pelajar dalam meningkatkan penglibatan diri di dalam pengajaran.

Satu kajian lain tentang adakah penglibatan mempengaruhi pemahaman pelajar. Kajian ini dilakukan ke atas lima orang pelajar mendapati terdapat kaitan di antara penglibatan dan pemahaman pelajar khususnya melibatkan bahasa kedua (Wagner, 2018). Pada era pengajaran di atas talian satu kajian berhubung dengan bagaimana penggunaan telefon pintar pelajar terhadap penglibatan yang dilaksanakan kepada sekitar 333 orang pelajar mendapati pelajar ini sering menggunakan telefon pintar mereka agar dapat terlibat dalam pelbagai aktiviti untuk belajar, termasuk mengambil maklumat, komunikasi, penyimpanan dokumen dan perkongsian serta menyelesaikan kerja kursus mereka (Mohamed, 2021). Oraif & Elyas (2021) dalam kajiannya pula ke atas beberapa pelajar sekolah menengah di Jeddah bagi melihat tahap penglibatan kelas bahasa Inggeris di kalangan pelajar mendapati tinggi dan positif di antara mereka hasil dari penggunaan pembelajaran atas talian kepada pelajar *English as a foreign language (EFL)*. Bagi dapatan kajian berkaitan tahap penglibatan ini turut diperolehi dari pelajar yang berada di sekolah rendah ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Aldaej (2021) tentang penglibatan pelajar dalam pelbagai konteks (tahap kelas, bahasa Inggeris sebagai kelas Bahasa Baru, dan konteks pengekalan budaya) yang berlangsung sepanjang 14 bulan ke atas 6 orang murid sekolah rendah di Timur Laut Amerika Syarikat mendapati antara perkara yang mempengaruhi penglibatan murid dalam sastera arab

adalah bilamana murid mampu menguasai sastera dan membacanya dengan baik.

## PENGALAMAN MENGAJAR

Menurut Kaviza (2018), terdapat perbezaan antara guru yang telah lama berkhidmat dengan guru yang baru tamat pengajian yang ditempatkan sebagai guru sandaran (novice). Ini bersesuaian dengan definisi yang diberikan oleh Lovorn (2017) mengenai pengalaman iaitu keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan dan dipengaruhi oleh tempoh pengalaman mengajar guru sepanjang perkhidmatan mereka. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Batjo & Ambotang (2019) kepada guru sekolah rendah di Sabah mendapati kekerapan mengaplikasikan penggunaan ICT lebih tinggi bagi guru yang memiliki sedikit pengalaman berbanding guru yang mempunyai pengalaman lebih dalam profesion keguruan. Ini menunjukkan satu pengalaman itu penting dalam menambah baik pengajaran serta penglibatan di kalangan murid.

Satu kajian yang dibuat oleh Majid (2017) ke atas 530 orang guru bahasa Arab mendapati bahawa guru bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia majoritinya iaitu 91.7% berpengalaman mengajar lebih daripada dua tahun. Sekaligus menunjukkan bahawa guru bahasa Arab merupakan guru berpengalaman dan bukan guru novis bahkan mereka merupakan guru yang memiliki pengalaman untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

## METODOLOGI

Metodologi merupakan sebuah pendekatan yang digunakan dalam dunia penyelidikan bagi memperolehi data. Data yang digunakan adalah sebagai asas dalam membentuk inferensi dan pentafsiran tujuan dan membuat jangkaan tentang satu fenomena (Cohen & Manian, 1996). Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan keratan rentas menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang bertujuan untuk mengkaji tahap penglibatan murid semasa PdPr Bahasa Arab dijalankan. Guru yang mengajar Bahasa Arab tahap 1 di daerah Johor Bahru telah dipilih dari 10 buah sekolah rendah agama kerajaan Negeri Johor dan swasta dengan mengedarkan soal selidik sebanyak 100 edaran dan hanya n=48 orang sahaja yang membuat pulangan semula. Penentuan saiz sampel kajian adalah berdasarkan Kothari (2004) yang membolehkan pengkaji menentukan 20% sampel diambil daripada populasi sampel kajian (Hairia' an & Dzainudin, 2020)

Data kajian diperolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Borang soal selidik ini diadaptasi dari kajian yang dilakukan oleh Ismail (2001) dan disokong oleh Asbulah et. al (2020). Instrumen kajian

dibahagi kepada tiga bahagian. Demografi responden pada bahagian A manakala soalan yang berkaitan dengan pendekatan dan teknik pengajaran pula pada bahagian B. Bahagian C pula merangkumi item-item yang mengkaji

tahap penglibatan murid semasa PdPR Bahasa Arab dijalankan. Skala Likert 5 digunakan dalam soal selidik ini dengan lima pilihan jawapan iaitu:

Jadual 1:Tahap penglibatan murid semasa PdPR

Kod	Skala
1	Tidak pernah
2	Tidak kerap
3	Kadang-kadang
4	Agak kerap
5	Sangat kerap

Instrumen yang digunakan di dalam soal selidik ini telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu untuk guru bagi mengukur tahap penglibatan murid dari perspektif guru Bahasa Arab. Item yang diterjemah kemudiannya telah dilakukan kesahan dan kebolehpercayaan dengan disemak oleh pakar bahasa yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun. Pengubahsuaian kemudiannya dilakukan terhadap item soal selidik yang dipilih dalam kajian ini bagi menyesuaikan dengan istilah yang digunakan dalam konteks pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah. Sebelum soal selidik diedarkan kepada responden kajian yang sebenar, satu kajian rintis

telah dilakukan kepada 30 responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan responden kajian sebenar. Ia bagi menyemak jika terdapat kekeliruan pada item instrumen yang digunakan. Instrumen soal selidik telah diuji kebolehpercayaan bagi melihat nilai alfa Cronbach. Menurut Chua Yan Piaw (2006) jika nilai alfa antara 0.65 hingga 0.95 bermaksud instrument tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Berdasarkan dapatan kajian rintis mendapati alpha Cronbach adalah 0.965 dengan 31 item yang dibina. Jadual 2 memaparkan taburan item soal selidik yang disusun mengikut bahagian.

Jadual 2:Senarai pembolehubah mengikut bilangan item

Bahagian	Perkara/konstruk	Item terkumpul (38 item)
A	Demografi	9
B	Tahap penglibatan murid dari perspektif guru	9
C.1	Pendekatan & teknik pengajaran	13
C.2	kaedah pengajaran	7

Selepas melepasi proses kesahan dan kebolehpercayaan, aplikasi *google form* digunakan untuk dimasukan item soal selidik yang dibina bagi memudahkan soal selidik diedarkan dalam tempoh PKP. Semua item dilengkapkan ke dalam pautan *Google form* mengikut bahagian item yang dikaji. Kemudiannya diberikan kepada responden kajian melalui aplikasi *Whatsapp* dan *telegram*. Responden diberikan masa dua minggu bagi menjawab soal selidik yang diberikan.

Hasil data yang diperolehi kemudiannya dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS* versi 22.0.bagi melaksanakan analisis deskriptif untuk menggambarkan ciri pemboleh ubah menggunakan min, sisihan piawai, frekuensi, peratusan dan kemudiannya membuat kesimpulan berdasarkan data berangka (Darussalam & Hussin, 2016). Pembersihan data perlu dilakukan terlebih dahulu. Ia sangat penting dilakukan bagi mengelakkan kemungkinan terdapat kesilapan semasa

memasukkan data ke dalam program SPSS. Analisis statistik deskriptif (kekerapan dan peratusan) dapat dilakukan untuk menerangkan profil responden kajian yang terlibat dalam kajian ini setelah data-data tersebut dibersihkan (Hairia'an & Dzainudin, 2020). Bagi menghuraikan data secara menyeluruh tentang profil kajian iaitu jantina, umur, kelulusan akademik dan iktisas, opsyen, pengalaman mengajar, peratus kehadiran murid, mengikuti kursus pedagogi dan strategi yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab pengkaji telah menganalisis data secara deskriptif. Analisis ini juga digunakan untuk menilai pendekatan pengajaran dan tahap penglibatan murid bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Statistik yang digunakan ialah peratus, min dan kekerapan.

Skala Likert 5 Mata digunakan sebagai mengenal pasti tahap persetujuan responden bagi setiap pernyataan. Tahap persetujuan Skala Likert 5 Mata yang digunakan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 3: Tahap Persetujuan Skala Likert 5 Mata

Kenyataan/Skor Min	Peringkat	Skala
Tahap Rendah 1.00 -2.33	Tidak pernah Tidak kerap	1 2
Tahap sederhana 2.34 – 3.66	Kadang-kadang Agak kerap	3 4
Tahap tinggi 3.67-5.00	Sangat kerap	5

Sumber: Diadaptasi daripada Ismail (2001)

## DAPATAN KAJIAN

### DEMOGRAFI RESPONDEN

Kajian ini telah dijalankan ke atas 48 orang guru yang mengajar bahasa Arab di sekolah rendah yang mengajar di kawasan bandar iaitu sebanyak 83.3% dan bakinya seramai 8 orang (16.7%) tinggal di kawasan luar bandar. Sebahagian

besarnya adalah guru perempuan iaitu seramai 37 orang (77.1%) dan guru lelaki 11 orang (22.9%). Pengalaman dalam mengajar bahasa Arab, majoritinya (52.1%) di kalangan mereka yang mempunyai pengalaman 5 tahun keatas, 20 orang (41.7%) diantara 2-4 tahun dan bakinya seramai 3 orang (6.3%) kurang dari 1 tahun. Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan sampel kajian berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 4: Taburan kekerapan dan peratusan bagi pengalaman mengajar

Demografi	Ciri	Kekerapan	Peratusan
Pengalaman Mengajar	kurang hingga 1 tahun	3	6.3
	2-4 tahun	20	41.7
	5 tahun keatas	25	52.1

### TAHAP PENGLIBATAN MURID SEMASA PDPR

Melalui Jadual 5, hasil dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi tahap penglibatan murid semasa PdPr adalah 2.71 dan nilai sisihan piawai adalah 0.54. Dapatan ini bermaksud tahap penglibatan murid sekolah rendah dalam pembelajaran bahasa Arab adalah di tahap sederhana. Tahap sederhana ini menunjukkan penglibatan murid di sekolah rendah dalam pembelajaran atas talian adalah sederhana dan penglibatan murid tidak berlaku sepenuhnya. Terdapat satu item pada tahap rendah, iaitu mewakili 1% daripada jumlah keseluruhan item penglibatan murid, baki item (99%) adalah pada tahap sederhana dan julat min adalah antara 2.41 dan 3.35.

Dapatan menunjukkan pada peringkat rendah murid cenderung kepada bahan yang disediakan oleh guru berbanding mengaplikasikan penggunaan bahasa Arab secara sendiri di kalangan murid. Kebanyakan murid di peringkat asas mahir menyebut huruf konsonan yang bersambung dengan betul, walaupun ia masih di peringkat sederhana namun ia mencatatkan min yang tinggi berbanding bentuk penglibatan yang lain dari kalangan murid mengikut perspektif guru bahasa Arab sekolah rendah semasa tempoh pembelajaran atas talian dijalankan. Selain itu juga kurangnya bersoal jawab di kalangan murid dengan menggunakan bahasa Arab bersama rakan berbanding bersoal jawab bersama guru.

Jadual 5: Taburan kekerapan. Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min penglibatan murid dalam PdPR bahasa Arab

Pernyataan	Kekerapan				
	TP	JJ	KK	K	AK
Murid mendengar guru bercakap sepenuhnya dalam bahasa Arab setiap hari	21 15.6%	48 35.6%	43 31.9%	21 15.6%	2 1.5%
Murid membaca slaid persembahan Bahasa Arab yang ditunjukkan oleh guru	8 5.9%	26 19.3%	62 45.9%	30 22.2%	9 6.7%

*bersambung ...*

bersambung ...

Murid menerangkan semula apa yang difahami dalam Bahasa Arab kepada rakan-rakan	19 14.1%	40 29.6%	51 37.8%	22 16.3%	3 2.2%
Murid diminta mencari maklumat dalam bahasa Arab di internet	25 18.5%	50 37.0%	41 30.4%	15 11.1%	4 3.0%
Murid mengemukakan soalan dalam bahasa Arab kepada guru	54 40.0%	48 35.6%	22 16.3%	9 6.7%	2 1.5%
Murid mendengar rakan sekelas berbahasa Arab	33 24.4%	48 35.6%	39 28.9%	14 10.4%	1 0.7%
Murid bersoal jawab bersama rakan dalam bahasa Arab	50 37.0%	43 31.9%	31 23.0%	9 6.7%	2 1.5%
Murid menyebut huruf konsonan yang bersambung dengan betul	3 2.2%	35 25.9%	53 39.3%	32 23.7%	12 8.9%
Murid bertutur dalam bahasa Arab semasa kelas	55 40.7%	46 34.1%	26 19.3%	6 4.4%	2 1.5%
Keseluruhan : Min: 2.71, SP: 0.54 ( Sederhana)					

#### PERBEZAAN TAHAP PENGLIBATAN MURID BERDASARKAN PERSEPSI GURU MENGIKUT PENGALAMAN MENGAJAR

Bagi menjawab persoalan kajian adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan murid berdasarkan persepsi guru mengikut pengalaman mengajar, maka hipotesis nol ( $H_{01}$ ) telah diuji pada aras kesignifikan ( $p \leq 0.05$ ) iaitu:

**$H_{01}$ : Tidak terdapat terdapat perbezaan skor min tahap penglibatan murid berdasarkan pengalaman mengajar guru.**

Analisis deskriptif perbezaan skor min penglibatan murid berdasarkan pengalaman mengajar ditunjukkan dalam Jadual 6. Daripada jumlah keseluruhan sampel iaitu  $N=48$ , mendapati bahawa guru yang mempunyai pengalaman 5 tahun ke atas memiliki skor min yang paling tinggi iaitu  $M=2.83, SP=0.62$  diikuti oleh kumpulan pengalaman mengajar antara kurang dari 1 tahun hingga 1 tahun pada  $M=2.59, SP=0.23$ . Kumpulan terakhir bagi kumpulan pengalaman mengajar adalah diantara 2 hingga 4 tahun iaitu  $M=2.57, SP=0.45$ . Daripada analisis perbezaan data yang diperolehi jelas menunjukkan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 5 tahun ke atas menghasilkan penglibatan murid yang tinggi ketika sesi pembelajaran atas

talian. Manakala analisis telah membuktikan bahawa guru yang mempunyai pengalaman yang sederhana iaitu kumpulan 2 hingga 4 tahun kurang dalam peningkatan

penglibatan murid ketika sesi pembelajaran atas talian dilaksanakan.

Jadual 6: Analisis Deskriptif Variabel Penglibatan murid berdasarkan pengalaman mengajar

Pembolehubah	Kumpulan Pengalaman	N	M	Sisihan piawai
Penglibatan murid	kurang hingga 1 tahun	3	2.59	0.23
	2-4 tahun	20	2.57	0.45
	5 tahun keatas	25	2.83	0.62
	Keseluruhan	48	2.71	0.54

Berdasarkan keputusan ujian Levene’s yang tidak signifikan ( $F(2, 45) = 0.123, p = 0.26$ ), keputusan ujian Anova Satu Hala dalam Jadual 7 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap penglibatan murid [ $F(2, 45) = 1.37, p = 0.26$ ] berdasarkan pengalaman mengajar guru. Justeru,  $H_{01}$  gagal ditolak. Maka

dapat disimpulkan ujian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan murid berdasarkan pengalaman mengajar guru. Jadual 7 keputusan ujian ANOVA satu hala bagi skor min tahap penglibatan murid berdasarkan pengalaman mengajar guru.

Jadual 7 : Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi skor min tahap penglibatan murid berdasarkan pengalaman mengajar guru

		Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
Skor min tahap penglibatan murid	Antara kumpulan	0.81	2	0.40	1.37	0.26
	Dalam kumpulan	13.30	45	0.29		
	Jumlah	14.11	47			

Pada aras signifikan 0.05

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan murid sekolah rendah semasa PdPr bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Ini dibuktikan dengan kepada purata min keseluruhan penglibatan murid iaitu 2.71 yang diperolehi daripada dapatan analisis kajian Dapatan dari kajian ini menyokong kajian Mamat (2020), bahawa pendidik menjadi lebih kreatif dalam penggunaan PdPc, sejak menjalani norma baharu kerana pendidik lebih memanfaatkan penggunaan teknologi yang ada bagi memastikan proses pembelajaran kanak-kanak tidak terabai sepanjang tempoh PKP.

Justeru itu, bagi meningkatkan penglibatan dikalangan murid guru perlu sentiasa bersedia menambah baik dan mengubah pendekatan pengajaran sesuai dengan perkembangan teknologi dan keperluan kerjaya semasa (Hakim & Iksan, 2018). Dengan mengambil segala bentuk peluang yang ada seiring dengan perubahan dunia pendidikan yang berlaku. Hal ini kerana guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan hari ini. Kebijaksanaan guru dalam memilih pendekatan dan merancang teknik pengajaran akan mampu memberikan impak yang

cemerlang dalam memberi kefahaman kepada murid. Tambahan pula apabila ia melibatkan pembelajaran atas talian di peringkat rendah. Pembelajaran dalam talian ini mampu menghasilkan individu yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (lifelong learning) (Mokhtar, 2020).

Selain itu, menurut Amatan & Han (2020) pengalaman mengajar seseorang guru turut mempengaruhi efikasi sendiri (pencapaian dan motivasi individu ditentukan oleh kepercayaan terhadap diri sendiri). Iaitu mereka yang berkhidmat tujuh hingga sepuluh tahun dikategorikan dalam fasa efikasi matang manakala guru berkhidmat kurang dari tujuh tahun dikenal pasti berada dalam fasa efikasi novis (guru sandaran). Hasil analisis anova mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap tahap penglibatan murid berdasarkan pengalaman mengajar guru. Ini bermaksud seorang guru yang berpengalaman tidak semestinya mampu meningkatkan tahap penglibatan murid semasa pembelajaran diatas talian. Ini dapat dijelaskan sebagai pengalaman mengajar guru tidak menjamin kemantapan pengajaran dan pengembangannya terutama dalam aspek pengetahuan pedagogi isi kandungan. Namun pengalaman dalam sesebuah pengajaran ini penting kerana

guru yang tidak membiasakan diri akan mengakibatkan guru tersebut tidak berkeyakinan, kurang latihan, takut murid tidak faham, takut salah, atau lambat faham yang akhirnya memberi kesan kepada tempoh masa perancangan guru untuk menghabiskan silibus yang telah ditetapkan (Mukhtar & Damit 2017).

Kesimpulannya, pelaksanaan pengajaran yang berkesan dan penambahbaikan perlulah diambil cakra oleh semua pihak dan tidak hanya tertumpu kepada satu pihak sahaja. Dimana pentadbir merupakan peranan utama dalam merancang strategi dan cabaran yang dihadapi oleh guru, murid dan ibu bapa. Sekaligus mampu meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran di atas talian.

## RUJUKAN

- Aldaaj, A. (2021). *Arabic-speaking students' responses to Children's literature about the middle east*. Doctor of Philosophy's thesis, State University of New York at Albany. ProQuest Dissertations Publishing. www.proquest.com/dissertations-theses/arabic-speaking-students-responses-children-s/docview/2521485573
- Almoslamani, Y. (2018). *Effectiveness of student engagement using learning management system in the blended learning environment at Saudi electronic university*. Doctor of Philosophy's thesis, University of Northern Colorado. ProQuest Dissertations Publishing. www.proquest.com/dissertations-theses/effectiveness-student-engagement-using-learning/docview/2107881364
- Amatan, M.A & Han, C.G.K. (2020). Perbezaan Faktor Demografi dalam Efikasi Kendiri Guru dan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 18(1), 17-36.
- Asbulah, L.H., Lubis, M.A., Aladdin, A., Sahrim, M. (2020). The level of students' engagement in Arabic within public universities, *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 35(1), 1–16.
- Batjo, N & Ambotang, A.S. (2019). Pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 30–42.
- Chapman, E. (2003). Alternative approaches to assessing student engagement rates *Practical Assessment, Research and Evaluation* 8 (13). Retrieved April 19, 2006, from www.PAREonline.net/getvn.asp?v=8&n=13
- Feng, F.L.Y, Fen, K.G, Liang, K.P, Shi n.L.H. (2021). Kaedah pengajaran dalam talian guru bahasa melayu dan motivasi murid sekolah jenis kebangsaan cina sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 57-74.
- Hamid, S.A. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat, *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan 1* (Edisi Khas) 214–226.
- Hairia'an, N.H., & Dzainudin, M., (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Hakim, N.A.A & Iksan, Z (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. Seminar Antarabangsa Isu Isu Pendidikan (ISPEN 2018). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. 72-82
- Husain, B., Idi, Y.N. & Basri, M. (2020). Teachers' perceptions on adopting e-learning during covid-19 outbreaks; advantages, disadvantages, suggestions. *Jurnal tarbiyah* 27 (2), 41-57.
- Ismail, L.M., Yusoff, N.M & Hamzah, M.I. (2021), Potensi aplikasi telegram dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah bagi prasekolah, *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 1(1), 58-68.
- Ismail, Z. (2001). *Hubungan antara bahasa Arab dengan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar universiti di Malaysia*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kaviza, M. (2018). Pengalaman mengajar atau latihan profesional guru dalam mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran sejarah di sekolah menengah. *EDUCATUM – Journal of Social Science (EJOSS)*, Vol. 4, 2018 ISSN 2289-9391 / eISSN 2462-2443 (40-47) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPMM 2013-2025)*.
- Kothari, C. R. (2004). *Research methodology: Methods and techniques*. New Age International.
- Lovorn, M. (2017). *Thinking historically, acting locally: Training teachers in historiographical Analysis of local monuments*. Multidisciplinary Academic Conference.
- Martin, F. (2018). Engagement Matters: Student Perceptions on the Importance of Engagement Strategies in the Online Learning Environment, *Online Learning Journal*, 22(1)
- Mamat, N.S. (2020). Normal baharu: PKP jadikan guru lebih kreatif dalam penggunaan PdPc. *Astro Awani*. www.astroawani.com/berita-malaysia/normal-baharu-pkp-jadikan-guru-lebih-kreatif-dalam-penggunaan-pdpc-239446
- Majid, M.R.A. (2017). Pengetahuan teknologi pedagogi kandungan dan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru bahasa arab di Malaysia. Tesis diserahkan sebagai memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mokhtar, N.H (2020) Pembelajaran dalam talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. *Newshub*. news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/



- Mukhtar.M.Z & DamiT.S.A.(2017). Aplikasi lughat al-faṣl dalam pengajaran bahasa Arab. *MANU* 26, 153-183.E-ISSN 2590-4086
- Oraif,I, Elyas,T.(2021) The impact of COVID-19 on learning: Investigating EFL learners' engagement in online courses in Saudi Arabia.*Education Sciences*, 11(3), 99.
- Said.M.J.H.(2018).Tahap sikap kerja dan hubungannya dengan prestasi kerja pekerja : kajian di Syarikat Triple A. Kertas Cadangan Penyelidikan (Sarjana Muda)
- Wagner, B. (2018). *The effects of a flipped classroom on student comprehension and perception among second language learners in a bachelor of social work course*. Master's thesis, University of South Carolina. ProQuest Dissertations Publishing. [www.proquest.com/dissertations-theses/effects-flipped-classroom-on-student/docview/2068609710](http://www.proquest.com/dissertations-theses/effects-flipped-classroom-on-student/docview/2068609710)
- Wilson, D. S. (2017). *The role of student engagement in a certified linked learning*. University of Southern California. ProQuest Dissertations Publishing, [www.proquest.com/dissertations-theses/role-student-engagement-certified-linked-learning/docview/2071263896](http://www.proquest.com/dissertations-theses/role-student-engagement-certified-linked-learning/docview/2071263896)

'Aishah Raudhah Salim  
Fakulti Pendidikan, UKM, Bangi Selangor  
p106369@siswa.ukm.edu.my

Harun Baharudin  
Fakulti Pendidikan, UKM, Bangi Selangor  
harunbaharudin@ukm.edu.my

Corresponding Author: Aishah Raudhah Salim